

MESYUARAT KE-41 GENERAL BORDER COMMITTEE MALAYSIA-INDONESIA (GBC MALINDO)

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4125-mesyuarat-ke-41-general-border-committe-malaysia-indonesia-gbc-malindo

BALI, INDONESIA, 15 Nov 18 – Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah menghadiri Mesyuarat ke-41 Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia, 'General Border Committee' Malaysia - Indonesia (GBC MALINDO). Mesyuarat yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pertahanan Malaysia, YB Mohamad bin Sabu dan Menteri Pertahanan Republik Indonesia, TYT Jen (B) Ryamizard Ryacudu merupakan mesyuarat dua hala yang diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir diantara Malaysia dan Indonesia. Ianya bertujuan bagi membincangkan secara khusus usaha-usaha meningkatkan tahap keselamatan di kawasan sempadan kedua-dua negara yang menjurus kepada peningkatan sosio-ekonomi serta taraf hidup demi kesejahteraan rakyat.



